


# FUNGSI TIKAI DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT IBAN

**T**ikai ialah anyaman kraf tangan masyarakat Iban di Sarawak. Tikai mempunyai banyak istilah, seperti *idas*, *kelaya* atau *bidai*, yang membawa maksud tikar atau alas untuk duduk. Majoriti masyarakat Iban di Sarawak memiliki tikai di bilik dan diwarisi secara turun-temurun, terutama anak perempuan masyarakat Iban.

Menurut Anna Durin, *et al.*, dalam kertas kerja "Tikar Bemban: Satu Seni Rupa Iban yang Harus Dipertahankan", yang dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Minoriti dan Majoriti Bahasa, Budaya dan Identiti" pada tahun 2010, pada zaman dahulu tikar bemban sangat popular dalam kalangan orang Iban yang tinggal di bahagian Samarahan, Sri Aman dan Betong. Proses penghijrahan masyarakat Iban, yang dikenali sebagai *adat bejalai*, telah membawa tikai ke seluruh pelosok Sarawak.

Helga Chermali Iri, 56 tahun, yang diwawancara mengatakan bahawa berlakunya proses penghijrahan masyarakat Iban dari Layar, Betong, ke Ulu Limbang untuk mencari tanah baharu bagi pembukaan tanaman padi huma. Mereka percaya bahawa dengan mudik ke hulu, hasil tanaman padi subur dan lebih lumayan. Dalam proses penghijrahan, mereka membawa tikai sebagai alas untuk digunakan semasa duduk di dalam perahu. Secara tidak langsung, kemahiran



Masyarakat Iban masih mengamalkan tradisi turun-temurun.

menganyam tikai itu dibawa bersama-sama ke petempatan baharu.

## JENIS TIKAI IBAN

Terdapat pelbagai jenis tikai dalam masyarakat Iban, seperti tikai bemban, tikai lampit, tikai keropak dan *idas*. Tikai dianyam dengan menggunakan bemban,

rotan dan buluh. Selalunya bahan yang digunakan dalam pembuatan tikai senang dijumpai di hutan Borneo dan dekat dengan masyarakat.

## TIKAI BEMBAN

Tikai bemban diperbuat daripada tumbuhan bemban jenis *donax andurastrum*. Tikar jenis ini

dianyam sejak zaman nenek moyang mereka. Tambahan pula, bemban senang dijumpai di kawasan berpaya. Proses pembuatan tikai bemban agak rumit berbanding dengan tikai lain kerana bemban dipilih berdasarkan kepanjangannya. Isi yang terdapat di dalam bemban dibuang. Selepas itu, bemban yang dipilih dibawa ke rumah panjang untuk dijemur bagi mendapatkan warna putih. Selalunya proses menjemur bemban mengambil masa selama lima hari, bergantung pada keadaan cuaca. Bemban selalunya dijemur di *tanju*.

Selepas dijemur, bemban direndam di dalam sungai untuk proses pelembutan supaya senang dilentur semasa menganyam tikai. Proses perendaman ini selalunya mengambil masa satu hari. Selepas selesai semua proses tersebut, bemban dilembutkan semula dengan menggunakan pisau kecil serta diceraikan dengan memotongnya secara lurus memanjang dalam kuantiti yang kecil dan banyak. Kemudian bemban dijemur

semula untuk pengeringan kali kedua. Akhir sekali, barulah proses penganyaman dimulakan.

Semasa proses penganyaman, wanita Iban selalunya memilih corak yang dikehendaki. Corak yang dipilih lazimnya berkaitan rapat dengan kepercayaan dan alam sekeliling, seperti corak geometri (anyam bebuah: figura manusia, haiwan, tumbuhan), corak *balui* (anyaman melintang) dan corak baku. Pemilihan corak ini dilakukan dan dipelajari berdasarkan sistem *turai* (meniru corak) dan telah wujud sejak dahulu.

Corak dan motif memainkan peranan penting semasa menganyam tikai. Yang pertama, faktor ketelitian (sifat wanita) dan yang kedua, persepsi masyarakat. Wanita yang pandai menganyam dan menenun kain *pua kumbu* disanjung tinggi dalam masyarakat Iban. Pada zaman dahulu, wanita yang memiliki kemahiran tersebut direbut dan lebih disukai oleh lelaki dan mentua untuk dijadikan sebagai isteri dan menantu. Oleh sebab itu,

keluarga Iban yang mempunyai anak perempuan akan mendesak dan melatih mereka untuk menguasai kemahiran tersebut supaya memudahkan mereka untuk mencari jodoh kelak.

Menurut Helga Chermali, *andik baka kumbang enggau lulung ti kitai indu jampat serta landik beranyam lalu nemu nenun pua tauka kain kebat, pia ko sida niang inik* (kalau kita mahir serta cepat dalam menganyam atau menenun kain *pua kumbu*, kita akan digelar *ibarat kumbang*, atau *lulung*, begitulah apa-apa yang diberitahu oleh arwah nenek dahulu).

Jean Francois Biehaut, dalam *Iban Basket*, mengatakan bahawa wanita Iban diajar menganyam seawal umur 13 tahun, dengan anyaman mudah, seperti *raga* dan *baka*. Selepas itu, apabila mereka mahir, barulah mereka diajar untuk menganyam tikar dan kraf lain untuk kegunaan dalam kehidupan harian.

## TIKAI LAMPIT

Tikai lampit, atau lebih dikenali sebagai tikar rotan, merupakan sejenis tikai yang terdapat dalam anyaman kraf tangan masyarakat Iban. Dalam konteks ini, proses pembuatan tikai lampit jauh lebih rumit daripada pembuatan tikar bemban kerana kesukaran untuk mencari rotan sebagai asas binaan anyaman. Kesukaran itu menjadikan harga tikai lampit ini agak mahal. Pembuatan tikai lampit sebenarnya dimulakan oleh masyarakat Kenyah dan Kelabit di Kalimantan, seiring dengan percampuran masyarakat majmuk. Masyarakat Iban mempelajari cara untuk menganyam kraf tangan ini daripada mereka dan membawa

Perempuan Iban menganyam tikai bemban.





Tikai lampit.

dan tidak melibatkan proses yang terlalu susah. Jenis tumbuhan *kerupuk* sama seperti pandan; cuma *kerupuk* mempunyai duri.

Proses pembuatan *tikai kerupuk* bermula dengan memotong tumbuhan itu. Selepas itu, duri pada *kerupuk* dibuang dan kemudian direndam selama tiga hari untuk melembutkan *kerupuk*. Setelah direndam, *kerupuk* dijemur untuk dikeringkan. Kemudian barulah *kerupuk* dianyam untuk dijadikan sebagai *tikai*.

#### FUNGSI TIKAI DALAM MASYARAKAT IBAN

Masyarakat Iban, seperti masyarakat lain di Malaysia, memiliki kekayaan budaya dan adatnya. Peranan *tikai* sangat besar dalam adat budaya, seperti adat *berancau*, adat kelahiran dan kematian, dan Pesta Gawai Dayak.

#### ADAT BERANCAU

*Berancau* ialah perbuatan menghamparkan atau membentangkan sesuatu objek, seperti tikar, permaidani atau selimut. Adat *berancau* membawa banyak pengertian dalam budaya masyarakat Iban. Satu daripadanya ialah mengalu-alukan kedatangan tetamu yang berkunjung atau *ngahang* ke rumah panjang. Mereka sangat memandangi tetamu, atau disebut sebagai *temuai*, yang berkunjung ke rumah panjang. *Temuai* dipersilakan duduk di atas *tikai* lalu dihidangi makanan dan tuak, sambil dihiburkan dengan tarian ngajat.

Selain itu, sistem adat yang diamalkan dalam komuniti rumah panjang memerlukan *aum* atau perbincangan

(*berandau*) antara *tuai rumah* anak buahnya tentang segala hal di rumah itu yang bersangkutan paut dengan penanaman padi, hukum dan sebagainya. Semasa *aum*, selalunya *tikai* dihamparkan sebagai alas duduk di ruai *tuai rumah*. Kalau melibatkan hukum atau hal lain, *tikai* dihamparkan oleh orang yang meminta *aum* daripada *tuai rumah*.

*Tikai* dilihat sebagai petanda dalam kehidupan orang Iban. Sekiranya *tikai* dihamparkan di ruai, mereka mengerti bahawa ada perkara yang terjadi di rumah panjang, sama ada buruk ataupun baik.

#### GAWAI SANDAU ARI

Kepercayaan masyarakat Iban terhadap mimpi dan roh nenek moyang sangat kuat. Mereka

percaya bahawa setiap mimpi yang dialami semasa tidur ialah pesanan atau amaran tentang bahaya, yang disampaikan oleh nenek moyang atau *petara*. Gawai *sandau ari* bermaksud gawai siang hari yang dilakukan di *tanju* sahaja. Upacara ini dilakukan bagi menilik atau melihat nasib dengan menggunakan hati babi sebagai pengantara. Menurut Anna Durin dalam *Tikar Bemban*, semasa upacara *sandau ari*, tikar *bemban* dihamparkan sebagai alas tempat duduk bagi *lembambang* dan *tuai burung* (mereka menyanyikan mantera untuk menjemput dewa dewi), di samping menjadi tempat untuk meletakkan piring bagi menjamu semangat roh.

Helga Chermal memberikan maklumat yang berbeza.

Katanya, semasa upacara *sandau ari*, pemilihan *tikai* sebagai alas duduk sangat penting. Wanita yang menyediakan peralatan untuk upacara tersebut tidak boleh memilih tikar sembarangan, kecuali *tikai lampit*, sebagai alas duduk. Hal ini dikatakan demikian kerana dewa yang disebut sebagai *Bungai Nuing* sangat cewet dan merasakan bahawa tikar lain berkasta rendah. Kata Helga Chermal lagi, pengunjung yang terkena angin *Bungai Nuing* boleh jatuh pingsan atau disebut sebagai *alah ayu*.

#### PETANDA GAWAI

*Tikai*, selain sebagai alas duduk, turut digunakan sebagai petanda bermula dan berakhirnya Pesta Gawai. Pesta Gawai selalunya disambut oleh masyarakat Iban



Proses menganyam tikai kerupuk.

menjelang 1 Jun setiap tahun bagi menandakan berakhirnya musim menuai padi. Dahulu sebelum wujudnya penggunaan, masyarakat Iban meraut batang rotan. Rotan yang diraut disimpulkan kepada beberapa bahagian dan digunting pada setiap pagi. Inilah cara mereka untuk menghitung hari bagi menentukan masa untuk menyambut Gawai.

Biasanya sehari sebelum Gawai, akan ada sambutan malam Gawai. *Tikai* dihamparkan di seluruh rumah panjang dan diletakkan bersama-sama tuak dan piring untuk kegunaan upacara *miring*. Upacara *miring* dilakukan bagi mengucapkan rasa kesyukuran kepada *petara* atas limpah rezeki yang diberikan semasa musim menuai padi. Bagi menunjukkan rasa kesyukuran tersebut, mereka membalasnya dengan jamuan *piring* yang telah dibaca mantera oleh *manang* atau bomoh.

Semasa Hari Gawai, tiang *ranyai* didirikan untuk menandakan bahawa sedang berlangsungnya Pesta Gawai. Tiang *ranyai* selalunya diambil daripada pokok pinang atau pokok yang bercabang, bergantung pada jenis hiasan yang hendak diletakkan padanya.

Pada zaman dahulu, buah *ranyai* ialah *antu pala*, iaitu kepala musuh yang sudah *dikayau*. Dalam konteks moden, *antu pala* sudah ditukar dengan buah kelapa untuk dipersembahkan dalam ritual *nimang jalung* sewaktu Gawai *Antu*. *Ranyai* yang sudah siap dihiasi makanan di bahagian bawah. *Ranyai* disimpan di dalam *tajau* yang terisi dengan

air *tuak pupu*, iaitu air tapai rumah panjang, kemudian dibalut dengan menggunakan *tikai beman* atau *tikai lampit*. Apabila *ranyai* sudah ditebang, bermulalah upacara Gawai dan mereka menyambutnya dengan penuh rasa kesyukuran.

Apabila berakhirnya Pesta Gawai, ada upacara *ngiling bidai* atau menggulung *tikai*. *Tikai* berperanan sebagai simbol penutupan pesta menuai. *Tikai* digulung oleh *tuah Gawai*. Selain menutup Gawai, upacara *ngiling bidai* diadakan untuk menghalau lalat yang dipercayai boleh membawa bala dan penyakit kepada penduduk di rumah panjang. *Tikai* yang selalu digunakan ialah *idas*, *tikai beman* dan *tikai lampit*. Upacara *ngiling bidai* masih diamalkan oleh masyarakat Iban.

#### ADAT KELAHIRAN DAN KEMATIAN

Semasa wanita Iban melahirkan anak, *tikai beman*, yang dianyam khas, dihamparkan untuk menyambut kelahiran bayi. *Tikai* ini dianyam oleh nenek atau ibu semasa menunggu kelahiran bayi. Si ibu duduk di atas *tikai beman* semasa proses *berkindu*, iaitu proses berpantang selepas melahirkan bayi. *Tikai beman* berfungsi sebagai pemanas semula jadi kepada wanita yang bersalin.

Dalam adat kematian pula, orang Iban mempunyai cara tersendiri untuk mengendalikannya mayat atau disebut sebagai *baya'*. *Tikai* diletakkan sebagai alas untuk membaringkan mayat. Mayat diletakkan di ruai selama tiga hari untuk membolehkan sahabat handai dan saudara-mara memberikan penghormatan

***Tikai* mempunyai banyak istilah, seperti *idas*, *kelaya* atau *bidai*, yang membawa maksud tikar atau alas untuk duduk. Majoriti masyarakat Iban di Sarawak memiliki *tikai* di bilik dan diwarisi secara turun-temurun, terutama anak perempuan masyarakat Iban.**

terakhir. Sebelum dibawa ke ruai, tempat khas untuk mayat dibina, iaitu membuat dinding dengan menggunakan *pua kumbu*. Tempat itu disebut sebagai *sapat*. Di *sapat*, kaum perempuan bergilir-gilir menjaga mayat sehingga pagi. Sepanjang tempoh tersebut, sebarang pesta, bunyi muzik, atau kerja tidak boleh dilakukan bagi menghormati keluarga si mati. *Tikai* ini juga dibawa ke kubur si mati sebagai hartanya semasa di akhirat.

Peranan *tikai* dalam masyarakat Iban masih dapat dilihat pada masa ini biarpun ada tikar plastik yang harganya lebih murah dengan pelbagai corak. Namun demikian, *tikai* tradisional ini masih mendapat tempat dalam kalangan orang Iban di Sarawak. Kerajaan negeri itu menyeru kaum wanita Iban agar terus menganyam *tikai* demi kelangsungan penghasilan kraf tangan tradisional ini di samping untuk menjanakan pendapatan ekonomi keluarga. Kerajaan turut menyediakan skim penanaman *beman* dan *rotan* kepada orang Sarawak untuk menyokong dan memulihara warisan kraf tangan tradisional ini. 